

Ulasan Buku/*Book Review*

Salafiyah Wahabiyah Suatu Penilaian. Oleh Zamihan Mat Zin al-Ghari. Selangor: Terajaya Enterprise, 2001, 163 hlm. Ulasan oleh Ibrahim Abu Bakar.

Buku ini mengemukakan suatu penilaian terhadap Salafiyah dan Wahabiyah. Salafiyah dinisbahkan kepada Salaf, dan Salafiyah merujuk kepada kumpulan atau kalangan Muslim yang berusaha menjelaskan akidah Islam mengikut pendekatan atau manhaj Salaf. Muslim yang menjadi Sahabat, Tabii dan Tabiin Tabiin kepada Nabi Muhammad s.a.w dianggap sebagai Salaf Salih. Muslim Salaf Salih ini dikatakan mempunyai manhaj tersendiri dalam memahami dan menjelaskan akidah Islam. Manakala Wahhabiyah pula adalah satu kumpulan atau kalangan Muslim yang dinisbahkan kepada Muhammad bin ‘Abd al-Wahhab (w 1206H./1792M). Kumpulan ini juga dikenali dengan Salafiyah.

Penulis buku ini terdorong untuk menulis mengenai Salafiyah dan Wahabiyah kerana pengalaman beliau belajar di sebuah universiti di Jordan dan ditanyakan persoalan mengenai Salafiyah dan Wahabiyah dan diminta penjelasan mengenainya oleh kawan-kawan yang berada di Jordan seperti di Irbid, Mu’tah dan Amman. Penulis sendiri sedang belajar di Universiti Mu’tah, Karak, Jordan pada masa beliau menulis buku ini. Penulis mendapat bahawa terdapat kekeliruan dalam mengenali dan membezakan di antara Salaf dan Khalaf dan seterusnya di Salafiyah dan Wahabiyah. Penulis ada menyatakan kewujudan kekeliruan terhadap Salafiyah dan Wahabiyah ini dan beliau menulis buku ini untuk menjelaskan kekeliruan yang wujud di kalangan Muslim dalam memahami dan membezakan di antara Salafiyah dan Wahabiyah. Dalam “Kata Pengantar” (x-xii) kapada buku ini, penulis di antara lain menyatakan, “Dewasa ini ramai di antara kita yang membicarakan tentang al-Salaf dan al-Khalaf..... Pemahaman terhadap aqidah al-Salaf menjadi lebih keliru apabila timbulnya golongan al-Salafiyah. Mereka ialah orang-orang yang mendakwa dirinya sebagai pengikut kepada al-Salaf” yang dipelopori oleh Ibn Taimiyah al-Harrani (w 728H.), dan kemudian diteruskan oleh Muhammad bin ‘Abd al-Wahhab. Penulis berpendapat bahawa Salafiyah yang dinisbahkan kepada Ibn Taimiyah dan Ibn ‘Abd al-Wahhab ini “lebih bersikap keras. Sesiapa yang bercanggah pendapat dengan mereka begitu mudah dianggap mutbadi (pembuat bid’ah)..... Kini mereka kembali berselindung disebalik nama Salafi atau Salafiyah di dalam perbincangan aqidah. Fenomena seperti ini sedikit sebanyak membawa kekeliruan dan perpecahan, khususnya di dalam saf perjuangan Islam. Jeteru itu, demi mencari kesahihah dalam menangan permasalahan ini, maka buku ini ditulis.” Demikianlah mengenai beberapa sebab yang yang mendorong penulis menulis mengenai Salafiyah dan Wahabiyah.

Buku ini mengandungi empat bab dan setiap bab mempunyai tajuk-tajuk kecil kepada bab. Bab pertama diberikan tajuk bab, “Pengenalan Kepada al-Salaf dan al-Khalaf” (hlm.1-19). Bab pertama ini memperkenalkan al-Salaf dan al-Khalaf dari sudut bahasa Arab dan Istilah ulama Islam dalam bidang Usuluddin, zaman hidup al-Salaf, mereka yang dikatakan pengasas kepada Salaf dan Khalaf, penggunaan Salaf zmanī dan Salaf manhaji atau usuli, tarikh yang dikatakan bermula Salaf dan Khalaf dan nama-nama tokoh yang dianggap pelopor atau pengasas Salaf dan Khalaf. Kesimpulan kepada bab pertama ini adalah “Al-Salaf Bukannya Satu Mazhab” (19). Di sini penulis membuat kesimpulan yang berbeza daripada para penulis lain yang menyimpulkan al-Salaf adalah satu mazhab yang khusus dalam memahami akidah Islam yang dikatakan berbeza daripada al-Khalaf.

Bab kedua dalam buku ini diberikan judul, “Takwil: Metod Al-Salaf dan Al-Khalaf” (hlm.20-77). Bab kedua ini menjelaskan takwil mengikut bahasa Arab dan istilah ulama dalam bidang akidah Islam dan bidang Hadis, menjelaskan Muslim yang berhak atau layak membuat takwilan kepada ayat-ayat Quran dan Hadis iaitu Nabi Muhammad s.a.w, para Sahabat baginda, dan Tabiin ulung/utama atau *Kibar al-tabi'iin*, mengemukakan pendapat ulama yang menyamakan takwil dengan tafsir, dan ulama yang membezakan takwil daripada tafsir, menyenaraikan dua belas dalil keharusan mentakwilkan Quran dan Hadis, menjelaskan pegangan al-Salafiyah, Ibn Taimiyah dan Ibn Qayyim mengenai takwil dan beberapa sifat Allah, menjelaskan percanggahan pendapat Ibn Taimiyah berbanding dengan pendapat-pendapat ulama seperti Imam al-Nawawi, Imam al-Laqqani, Imam al-Hafiz ibn Jauzi al-hanbali, Imam al-Qurtubi, Qadi ‘Abd al-Jabbar al-Mu’tazili, Imam Fakhruddin al-Razi, Imam Ibn al-’Asakir, Imam al-Sayuti, Ibn Hajar al-Haitami dan Imam al-Zarqani. Penulis menyimpulkan bahawa “Takwil adalah Satu Metod Al-Salaf”, dan takwil bukan satu metode yang baru diperkenalkan atau dikemukakan oleh al-Khalaf dan al-Asha’irah seperti yang dikatakan oleh sebahagian sarjana atau penulis lain (hlm. 64-65). Penulis buku ini juga mengemukakan penolakannya kepada pendapat al-Salafiyah atau al-Wahhabiyah yang berada di “Saudi Arabia, Indonesia, Patani, Malaysia atau di mana-mana saja hakikatnya adalah sama, itu menafi dan menolak dasar takwil. Lalu mereka bertungkus lumus menyuarakan pertentangan dan kecaman terhadap golongan yang tidak selari dengan pendapat mereka, khususnya ke atas al-Asyā’rah.” (hlm. 59). Penulis menyedari kewujudan ulama yang menolak dan menentang takwil dan di antara mereka itu adalah Ibn Taimiyah dan Ibn Qayyim al-Jauziyyah yang juga dikenali dengan Ibn Zufail (hlm. 65). Penulis telah mengemukakan 12 dalil keharusan takwil dan dengan demikian penulis menolak ulama yang menolak keharusan takwil dalam akidah Islam dan lainnya.

Bab ketiga dalam buku ini diberikan judul, “Al-Tafwid” (hlm. 78-93). Bab kedua ini menjelaskan takrif al-Tafwid, asal-usul al-tafwid, tafwid pada pendapat Imam Abu Hanifah, Imam Malik, Imam Syafie, Imam Ahmad ibn Hanbal dan

ahli Hadis yang lain. Penulis buku ini mentakrifkan al-Tafwid adalah “mentakwilkan nas-nas secara *ijmali* (umum) dan menyerahkan maknanya yang asal kepada Allah S.W.T dengan berpegang kepada bahawa maha suci Allah daripada menyerupai makhluk.” (hlm. 78). Nas-nas yang dimaksudkan dalam definisi tafwid berkenaan adalah nas-nas Quran dan Hadis. Akhirnya penulis buku ini menyimpulkan metode tafwid juga adalah metode atau kaedah yang digunakan oleh Salaf.

Bab kempat dalam buku ini diberikan judul, “Perselisihan Al-Salaf Membuktikan Mereka Bukannya Bersepakat dalam Satu Mazhab” (hlm. 94-149). Dalam bab terakhir ini penulisnya berusaha mengemukakan contoh-contoh perselisihan atau perbezaan fahaman dan pendapat di kalangan Salaf sendiri, pendapat-pendapat Ibn Taimiyah dan al-Salaf, pendapat-pendapat ulama tentang Ibn Taimiyah, Salafiyah dan Wahabiyah dan Muhammad `Abd al-Wahhab, dan tokoh-tokoh Salafiyah semasa iaitu Syeikh al-Albaani, Syeikh Zuhair Syawisy, Dr. Umar Sulaiman al-Asyqar dan Syeikh Salim al-Hilali. Bab terakhir ini juga membezakan di antara Salaf dan Salafiyah dalam beberapa aspek. Pertama, zaman hidup Salaf dalam sejarah umat Islam bermula pada zaman Nabi Muhammad s.a.w sehingga abad atau kurun ketiga atau kelima selepas Hijrah. Manakala zaman hidup Salafiyah bermula dengan Ibn Taimiyah al-Harrani. Kedua, metode yang digunakan oleh Salaf adalah takwil dan tafwid dalam memahami nas-nas Quran dan matan-matan Hadis yang dianggap mutasyabihat. Manakala Salafiyah pula tidak menggunakan metode takwil atau tafwid tetapi menggunakan zahir nas Quran dan Hadis sekalipun nas zahir itu mendekatkan kepada fahaman tajsim dan tasybih di antara Allah dan makhluk-Nya. Ketiga, Tiada tokoh pengasas Salaf, sedangkan Salafiyah diasaskan oleh Ibn Taimiyah al-Harrani. Keempat, Salaf bersikap “sederhana dalam semua perkara. Manakala golongan al-Salafiyah begitu fanatik dan ekstrim.” Kelima, Salaf tidak mewajibkan umat Islam menerima dan mengikuti fahaman dan pendapat mereka sedangkan Salafiyah mewajibkan umat Islam menerima dan mengikuti fahaman dan pendapat mereka. (hlm. 148-149). Akhirnya penulis buku ini menegaskan, “Golongan al-Salaf adalah anutan dan ikutan kita. Manakala ajaran as-Salafiyah al-Wahabiyah pula perlu ditolak.” (hlm. 149).

Nampaknya hasrat penulis buku ini untuk menjelaskan perbezaan di antara Salaf dan Salafiyah berhasil dengan baik. Penilaian ini didasarkan kepada bab-bab yang terdapat dalam buku ini. Penulis mengemukakan empat bab yang kesemuanya ada hubungan dengan Salaf dan Salafiyah. Dalam buku ini penulis menyamakan istilah Salafiyah dan Wahabiyah kerana Wahabiyah dikatakan berasal daripada Salafiyah, tidak berasal daripada Salaf. Penulis berjaya mencapai tujuan penulis kerana jelas perbezaan di antara Salaf dan Salafiyah dalam tiga perkara pokok atau utama. Pertama, penulis mengemukakan sejarah Salaf berbanding dengan sejarah Salafiyah. Sejarah Salaf ditegaskan bermula dengan Nabi Muhammad s.a.w. sedangkan sejarah Salafiyah dinyatakan bermula dengan Ibn Taimiyah al-Harrani yang kemudian diikuti pula oleh Muhammad

bin ‘Abd al-Wahhab yang kumpulannya dikenali dengan Wahabiyah. Kedua, penulis membezakan metode Salaf berbanding dengan metode Salafiyyah dalam memahami nas-nas Quran dan matan-matan Hadis yang dianggap mutasyabihat. Salaf menggunakan kaedah atau metode takwil dan tafwid dalam memahami dan menjelaskan nas-nas Quran dan matan-matan Hadis yang mutasyabihat sedangkan Salafiyyah tidak menerima pakai kedua-dua metode berkenaan. Sebalik Salafiyyah berpegang dengan zahir nas Quran dan zahir matan Hadis yang mutsyabihat. terhadap umat Islam yang berbeza fahaman dan pengangan. Ketiga, penulis menjelaskan sikap Salaf berbanding dengan sikap Salafiyyah. Sikap Salaf dikatakan sederhana sedangkan sikap Salafiyyah dikatakan fanatik dan melampau terhadap orang Islam lain yang tidak sama-sama berada dalam Salafiyyah.

Ejaan Rumi bahasa Melayu dalam buku ini tidaklah menggunakan sepenuhnya ejaan Melayu-Rumi yang terdapat dalam *Kamus Dewan*, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Kemungkinan besar, penulis tidak merujuk kepada *Kamus Dewan* semasa menulis buku ini kerana beliau berada di Jordan. Dalam menulis buku ini, penulisnya tidak menggunakan sistem nota kaki dan tidak juga sistem pengarang-tarikh dalam teks. Walau bagaimanapun penulis menyenaraikan sebanyak 86 karya dalam bahagian bibliografi (hlm. 150-155) untuk membuktikan bahawa beliau membuat rujukan kepada karya-karya dalam menjelaskan perbezaan di antara Salaf berbanding dengan Salafiyyah dan Wahabiyah dari sudut sejarah, metode dan sikap mereka itu. Bahagian indeks dalam buku ini dikhaskan kepada hlm. 156-163. Pembeli buku ini perlu memberikan perhatian kepada halaman 184 kerana penulis sendiri mengakui terdapat kesilapan yang nyata pada satu pernyataan yang melibatkan tarikh bermula dan berakhir zaman Salaf. Pembetulan kepada pernyataan itu dibuat di kertas kecil berukuran $3.5 \text{ cm} \times 16 \text{ cm}$ yang diselitkan dalam buku. Kemungkinan besar kertas kecil pembetulan itu terjatuh daripada buku kerana ia tidak digamkan atau diklipkan kepada halaman berkenaan. Pembetulan di kertas kecil itu menyatakan: “Kurun yang dimaksudkan itu bermula dari zaman Rasulullah s.a.w hingga 300 atau 500 tahun selepas hijrah.” Dengan kata lain, penulis menyatakan bahawa sejarah Salaf bermula dengan Nabi Muhammad s.a.w dan berakhir abad keempat atau keenam Hijrah.

Prof. Madya Dr. Ibrahim Abu Bakar
 Jabatan Usuluddin dan Falsafah
 Fakulti Pengajian Islam
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.
 abi@pkrisc.cc.ukm.my